

# PENYUSUAN SUSUIBU

**- TINDAKBALAS  
PENTING  
KETIKA  
BENCANA**

*sudahkah  
anda  
bersedia?*

## RASIONAL

- Kanak-kanak merupakan gologan yang paling mudah terdedah kepada bahaya ketika bencana berlaku – bilangan kematian di kalangan anak kecil boleh meningkat dari 2 ke 70 kali ganda lebih tinggi dari kadar purata kerana terdedah kepada penyakit cirit-birit dan pernafasan serta malnutrisi<sup>1</sup>.
- Penyusuan susuibu adalah kaedah keselamatan nyawa dan perlindungan yang paling baik terhadap bayi kecil. Bahkan dalam keadaan bukan darurat sekalipun, bayi berumur dua bulan ke bawah dan tidak menyusu susuibu adalah berisiko enam kali ganda untuk menghadapi kematian<sup>2</sup>.
- Bencana boleh berlaku di mana sahaja. Apabila bencana berlaku, segala kebiasaan akan dimusnahkan. Ini akan mengakibatkan keadaan di mana penjaga bayi terpaksa bertungkus lumus untuk menghadapi suasana kecemasan dan bayi-bayi akan mudah terdedah kepada penyakit dan kematian.



Minggu Penyusuan Susuibu Sedunia WABA ★ 1-7 Ogos 2009

## MINGGU PENYUSUAN SUSUIBU SEDUNIA WABA 1-7 OGOS 2009

### OBJEKTIF MINGGU PENYUSUAN SUSUIBU SEDUNIA 2009

- Untuk menarik perhatian terhadap kepentingan peranan penyusuan susuibu apabila bencana melanda di mana-mana saja di dunia.
- Untuk menekankan keperluan terhadap perlindungan serta sokongan aktif terhadap penyusuan susuibu sebelum dan semasa bencana.
- Untuk memaklumkan kepada ibu-ibu, penyokong-penysokong penyusuan susuibu, masyarakat umum, anggota kesihatan, kerajaan, agensi penyelamat, penderma, dan media tentang bagaimana mereka boleh memainkan peranan aktif dalam menyokong penyusuan susuibu sebelum dan semasa bencana.
- Untuk menggerakkan dan memupuk rangkaian serta kerjasama antara pakar-pakar dalam bidang penyusuan susuibu dan mereka yang terlibat di dalam bantuan bencana.

# 2009

A	I	S	R	K	J	S
					1	2
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30	31				

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
12	13	14	15	16	17	18
19	20	21	22	23	24	25
26	27	28	29	30		

A	I	S	R	K	J	S
31				1	2	
3	4	5	6	7	8	9
10	11	12	13	14	15	16
17	18	19	20	21	22	23
24	25	26	27	28	29	30

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
7	8	9	10	11	12	13
14	15	16	17	18	19	20
21	22	23	24	25	26	27
28	29	30				

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
30	31					
2	3	4	5	6	7	8
9	10	11	12	13	14	15
16	17	18	19	20	21	22
23	24	25	26	27	28	29

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30			

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
4	5	6	7	8	9	10
11	12	13	14	15	16	17
18	19	20	21	22	23	24
25	26	27	28	29	30	31

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
8	9	10	11	12	13	14
15	16	17	18	19	20	21
22	23	24	25	26	27	28
29	30					

A	I	S	R	K	J	S
1	2	3	4	5	6	7
6	7	8	9	10	11	12
13	14	15	16	17	18	19
20	21	22	23	24	25	26
27	28	29	30	31		

World Alliance for Breastfeeding Action (WABA) merupakan satu rangkaian global, yang terdiri daripada individu-individu dan organisasi-organisasi, yang mementingkan perlindungan, promosi dan sokongan terhadap penyusuan susuibu pada peringkat antarabangsa berdasarkan Deklarasi Innocenti (1990 & 2005), Sepuluh Rangkaian untuk Memelihara Masa Depan, dan WHO/UNICEF Strategi Global Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak. Rakan sekutu utamanya adalah International Baby Food Action Network (IBFAN), La Leche League Internasional (LLLI), International Lactation Consultant Association (ILCA), Wellstart International dan Academy of Breastfeeding Medicine (ABM). WABA mempunyai status konsultatif dengan UNICEF dan juga merupakan satu pertubuhan bukan kerajaan berstatus konsultatif khas dengan Economic and Social Council of the United Nations (ECOSOC).

WABA, PO Box 1200  
10850 Penang, Malaysia  
Tel: 60-4-658 4816  
Fak: 60-4-657 2655  
Emel: waba@streamyx.com  
Lamanweb: www.waba.org.my



# PENYUSUAN SUSUIBU – TINDAKBALAS PENTING KETIKA BENCANA. Sudahkah anda bersedia?

## Apakah itu bencana?

Bencana adalah sesuatu keadaan luar biasa yang meletakkan kesihatan dan kelangsungan hidup sesuatu populasi dalam keadaan berisiko. Bencana boleh disebabkan oleh manusia ataupun keadaan semulajadi. Ianya boleh melanda tanpa disangka-sangka, secara kekerapan yang tertentu atau berpanjangan. Bencana boleh disifatkan sebagai keadaan kacau bilau, tiada keselamatan, kurang kebersihan dan kurang bekalan air yg bersih, makanan, bahan api, rawatan perubatan dan tempat perlindungan.

## Apakah kepentingannya terhadap diri saya?

Bilangan bencana yang berlaku kian bertambah dan boleh menimpa mana-mana negara tanpa mengira kedudukan atau tahap pembangunan negara tersebut. Ini bermakna setiap orang di setiap tempat harus bersiap sedia dan harus tahu bagaimana untuk membantu penyusuan susuibu agar kehidupan bayi tidak terancam.

## Mengapa penyusuan susuibu begitu penting dalam keadaan bencana?

Dalam keadaan bencana, ibu yang menyusukan anaknya memberikan makanan dan minuman yang bersih, selamat dan mampu bertahan serta, melindungi bayi mereka secara aktif dari pelbagai jangkitan. Susu formula pula tidak menawarkan sebarang perlindungan imunisasi dan boleh membahayakan mekanisma pertahanan usus bayi dan secara tidak langsung menyebabkan jangkitan penyakit berlaku dengan lebih mudah. Risiko selanjutnya timbul kerana dalam pemberian susu formula, ia bergantung kepada kualiti dan bekalan susu formula tersebut, bekalan air dan bahan api, hakikat pencemaran pada susu formula dan kesukaran untuk membersihkan botol susu. Kelemahan ini didebakkan di Botswana sekitar tahun 2005/06<sup>3</sup> apabila banjir melanda dan mengakibatkan peningkatan besar kes cirit-birit dan kematian di kalangan bayi yang tidak menyusu susuibu – dalam suku tahun pertama 2006, kadar kematian bawah 5 tahun adalah 22 kali ganda lebih tinggi berbanding dengan suku pertama tahun sebelumnya. Di dalam satu siasatan terhadap bilangan kemasukan ke dalam hospital, didapati berkebarangkalian di mana bayi yang tidak menyusu susuibu adalah 50 kali ganda untuk memerlukan rawatan hospital berbanding bayi yang menyusu susuibu dan berkemungkinan tinggi untuk meninggal dunia. Didapati di dalam sebuah kampung, didapati bagi bayi yang menyusu susuibu, tidak ada seorang bayi pun yang meninggal manakala 30% dari bayi yang tidak menyusu susuibu meninggal dunia. Malah di negara yang maju sekali pun, bayi yang tidak disusukan dengan susuibu berada dalam keadaan berisiko tinggi apabila bencana melanda. Berikutnya Taufan Katrina di Amerika Syarikat, ramai bayi yang menhadapi kekurangan makanan dan akibatnya daripada itu sesetengah daripada mereka meninggal dunia<sup>4</sup>. Oleh itu, penyusuan susuibu merupakan perisai yang melindungi bayi dalam keadaan bencana.

## Penyusuan Susuibu sering diperlekehkan semasa keadaan bencana kerana:

- Kurang pengetahuan mengenai penyusuan susuibu Mitos yang mengatakan ‘tekanan boleh mengeringkan susuibu’ dan ‘ibu yang mengalami malnutrisi tidak mampu menyusukan anaknya’ sering dipercayai sebagai perkara yang benar. Ramai yang tidak tahu bahawa ibu-ibu boleh meningkatkan penghasilan susuibu, memulakan semula penyusuan susuibu setelah berhenti dan juga penyusuan oleh wanita lain sebagai tindakan sementara atau jika ibu bayi telah meninggal dunia.

## ● Kekurangan perlindungan dan sokongan aktif terhadap penyusuan susuibu

Kurang pengetahuan mengenai corak pemakanan di kawasan yang mengalami bencana menjurus kepada andaian yang salah. Bantuan kecemasan sering mendahulukan pembekalan barang dan menyebabkan perlindungan penyusuan susuibu dan sokongan kemahiran seringkali terabai. Sedangkan inilah yang amat diperlukan! Perlindungan dan sokongan yang dimaksudkan adalah memastikan ibu-ibu berada dalam keadaan selamat, mereka mendapat keutamaan untuk bekalan makanan, air dan tempat perlindungan dan jika perlu tempat yang terlindung untuk menyusukan

bayi mereka. Kumpulan sokongan penyusuan susuibu dan program yang menawarkan bantuan kemahiran penyusuan mungkin diperlukan juga.

### ● Sumbangan susu formula, produk tenusu dan botol

Kejadian bencana akan menarik sumbangan produk tersebut dalam kuantiti yang banyak. Seringkali ianya diagihkan kepada semua ibu dan meremehkan isu penyusuan susuibu dan mendedahkan mereka kepada pelbagai penyakit dan menjurus kepada kematian. Sebagai contoh, selepas gempa bumi di Yogyakarta, Indonesia (2006), 75% dari penjaga bayi menerima sumbangan susu formula dan meningkatkan kadar kes cirit-birit dalam kalangan anak kecil secara signifikan. Pengagihan sumbangan secara rawak ini turut membahayakan bayi yang tidak menyusu susuibu kerana mereka tidak memberi pakej rawatan yang diperlukan untuk mengurangkan risiko dalam penyelenggaraan penyusuan botol.

## Apakah bantuan bencana yang diperlukan?

Seperti yang ditunjukkan di atas, sokongan dan perlindungan aktif terhadap penyusuan susuibu memang sentiasa diperlukan – bentuk sokongan yang lebih tepat bergantung kepada konteks dan situasi. Perlindungan juga bermakna bertindak untuk menghalang sumbangan berbentuk susu formula, produk tenusu dan botol bayi, serta memartabatkan nilai penyusuan susuibu di dalam setiap kenyataan rasmii, dan mengeluarkan kenyataan akhbar untuk mencegah dan menjawab sebarang maklumat media yang mengandungi mitos bersangkutan paut penyusuan susuibu. Sentiasa bersedia adalah kunci utama bantuan yang bersesuaian dengan waktu.

## Apa yang boleh anda lakukan?

**Ibu yang menyusukan bayi mereka dengan susuibu** akan lebih berkeyakinan semasa sebarang bencana kerana mereka mampu melindungi dan memberi makan kepada anak mereka. Kita semua boleh membantu menyediakan persekitaran yang sesuai untuk mereka. **Adakah anda bersedia? Ya!** Anda memang bersedia!

● **Mendidik diri anda sendiri:** Rujuk kepada *Panduan Operasi Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak Semasa Bencana*<sup>5</sup> dan sumber maklumat penting yang lain.

● **Mendidik orang lain:** Berbincang dengan ahli keluarga, anggota komasyarakatan (pemakanan, kesihatan, bekalan air dan sanitasi), penderma dan media tentang kepentingan penyusuan susuibu dan bahayanya pemberian susu formula dalam situasi bencana.

● **Meningkatkan perhubungan dengan agensi bantuan dan penderma:** Bertanya kepada pihak berkenaan jika mereka mempunyai sebarang polisi yang menyokong secara aktif penyusuan susuibu semasa bencana dana adakah mereka tahu mengenai dan menyokong *Panduan Operasi Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak Semasa Bencana*. Sarankan kepada mereka agar tidak menderma susu formula, produk tenusu lain dan botol semasa bencana. Sokong organisasi yang menyokong penyusuan susuibu. Dapatkan maklumat untuk menyertai program yang dilaksanakan.

● **Berkemungkinan penyediaan bantuan bencana di negara anda:** Minta kerajaan anda untuk menyalurkan peruntukan untuk tujuan latihan kakitangan kesihatan dan membentuk kakitangan bantuan bencana khusus untuk penyusuan susuibu. Membentuk jawatankuasa kerja Pemakanan Kanak-Kanak Semasa Bencana bersama mereka yang memainkan peranan utama tatkala bencana melanda di negara anda.

## Sumber Maklumat Berkaitan dan Perhubungan:

Layari [www.enononline.net/ife](http://www.enononline.net/ife) panduan asas dan maklumat. Maklumat WBW 2009 dibangunkan oleh IFE Core Group. Bersama IFE Core Group, ENN dan IBFAN-GIFA adalah anatar penyumbang utama kandungan maklumat.

Penterjemahan asas oleh Puan Nor Kamariah Alwi.

## Pusat Pengedaran dan Koordinasi MPSS

### COORDINASI KESELURUHAN

#### Sekretariat WABA

P O Box 1200, 10850 Penang, Malaysia  
Fak: 60-4-657 2655 • [waba@streamyx.com](mailto:waba@streamyx.com) • [www.waba.org.my](http://www.waba.org.my)

#### AFRIKA

##### IBFAN Africa

P O Box 781, Mbabane, Swaziland  
Fak: 268-40 40546 • [ibfanwd@realnet.co.sz](mailto:ibfanwd@realnet.co.sz)

#### IBFAN Afrique

Cite Ouaga 2000, 01 BP 1776, Ouagadougou 01, Burkina Faso  
Fak: 226-50-374163 • [ibfanfan@fasonet.bf](mailto:ibfanfan@fasonet.bf)

#### ASIA

##### Sekretariat WABA (Rujuk kepada alamat di atas)

#### Asia Selatan

Breastfeeding Promotion Network of India (BPNI)  
BP-33, Pitampura, Delhi 110 034, India  
Fak: 91-11-2734 3606 • [bpni.india@gmail.com](mailto:bpni.india@gmail.com)

#### EROPAH

##### BMA

Baby Milk Action, 34 Trumpington Street,  
Cambridge, CB2 1QY, UK.  
Fak: 44-1223-464 417 • [info@babymilkaction.org](mailto:info@babymilkaction.org)

#### CoFAM / SMAM

163 rue de Bagnolet, 75020 Paris, France  
Fak: 01-4356 5246 • [secretariat@coordination-allaitement.org](mailto:secretariat@coordination-allaitement.org)

#### GIFA

Avenue de la Paix 11, 1202 Geneva, Switzerland  
Fak: 41-22-798 4443 • [info@gifa.org](mailto:info@gifa.org)

#### Aktionsgruppe Babynahrung Ev (AGB)

Untere Maschstrasse 21, D-37073 Gottingen, Germany  
Fak: 49-551-531 035 • [info@babynahrung.org](mailto:info@babynahrung.org)

#### AMERIKA LATIN

##### CEFEMINA

Apartado 5355, 1000 San Jose, Costa Rica  
Fax: 506-224 3986 • [cefemina@racsa.co.cr](mailto:cefemina@racsa.co.cr)

#### CEPREN

Av. Pardo, 1335 Of.301-302, Lima-18 Peru  
Fak: 51-1 241 6205 • [cepres@amauta.rcp.net.pe](mailto:cepres@amauta.rcp.net.pe)

#### Origem Group

Rua da Uniao, 253, Boa Vista, Recife, Pernambuco CEP 50050-010, Brazil  
Fak: 55-81-32314325 • [juliana@origem.org](mailto:juliana@origem.org)  
[www.aleitamento.org.br](http://www.aleitamento.org.br)

#### AMERIKA UTARA

##### LLL International

957 N. Plum Grove Road, Schaumburg, IL 60173-4808, USA  
Fak: 847-969 0460 • [llhq@llli.org](mailto:llhq@llli.org) • [www.llli.org](http://www.llli.org)

#### INFACt Canada

6, Trinity Square, Toronto, ON M5G 1B1, Canada  
Fak: 1-416-591 9355 • [info@infactcanada.ca](mailto:info@infactcanada.ca)  
[www.infactcanada.ca](http://www.infactcanada.ca)

#### PASIFIK

##### ABA

P O Box 4000, Glen Iris, VIC 3146, Australia  
Fak: 61-3-9885 0866 • [info@breastfeeding.asn.au](mailto:info@breastfeeding.asn.au)  
[www.breastfeeding.asn.au](http://www.breastfeeding.asn.au)

#### Development Officer PINDA

c/o Christine Quested  
Nutrition Centre Health Department, Private Mail Bag, Apia,  
Western Samoa • Fak: 685-218 70 • [brenda@lesamoa.net](mailto:brenda@lesamoa.net)

1. WHO (2004). Guiding principles for feeding infants and young children during emergencies.
2. WHO Collaborative Study Team on the Role of Breastfeeding in the Prevention of Infant Mortality. (2001). Effect of breastfeeding on infant and child mortality due to infectious diseases in less developed countries: A pooled analysis. *Lancet*, 355, 451–455.
3. Field Exchange 29 (2006). Diarrhoea risk associated with not breastfeeding in Botswana. p23. <http://fex.enononline.net/29/diarrhoeairisk.aspx>
4. Lipton, E. et al (2005). Breakdowns marked path from hurricane to anarchy, in New York Times. 2005: New York.
5. Field Exchange 34 (October 2008). Increased diarrhoea following infant formula distribution in 2006 earthquake response in Indonesia: evidence and actions. Fitsum Assefa, Sri Sukotjo (Ninik), Anna Winoto and David Hipgrave. p30-35.
6. Operational Guidance on IFE, v2.1, Feb, 2007. Available at [www.enononline.net](http://www.enononline.net) in 10 languages.



Sumber Maklumat  
Berkaitan dan Perhubungan:

An inter-agency collaboration concerned with the protection and support of safe and appropriate infant and young child feeding in emergencies